YUSOFF KASSIM

lwn.

KAMSIAH KASSIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR H
[SAMAN NO: S6(S1)-22-605-1997]
1 NOVEMBER 2000

PROSEDUR SIVIL: *Bidangkuasa - Mahkamah Tinggi - Tuntutan harta pesaka orang Islam - Pewarisan harta orang Islam - Samada mahkamah mempunyai bidangkuasa - Perlembagaan Persekutuan, art. 121*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Bidangkuasa Mahkamah Tinggi - Tuntutan harta pesaka orang Islam - Pewarisan harta orang Islam - Samada Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa - Perlembagaan Persekutuan, art. 121 - Perundangan yang terpakai*

Perbicaraan kes ini telah berjalan sehingga ke tahap di mana saksi pertama plaintif, iaitu plaintif sendiri telah habis memberi keterangan. Dari keterangan yang diberi, mahkamah menyedari bahawa plaintif dan defendan adalah orang yang beragama Islam dan harta yang dituntut adalah harta pesaka orang yang juga beragama Islam. Isu yang dibangkitkan oleh plaintif dalam tindakan ini adalah mengenai pembahagian harta pesaka si mati dan juga mengenai kelayakan plaintif sebagai pewaris sah si mati. Persoalan undang-undang di sini adalah samada mahkamah semasa mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan membuat keputusan dalam kes ini.

Diputuskan:

[1] Bidangkuasa Mahkamah Tinggi adalah terkandung di bawah art. 121 Perlembagaan Persekutuan. Ini bererti mahkamah semasa tidak mempunyai bidangkuasa mengenai perkara yang termasuk di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah.

[2] Olehkerana sebahagian daripada harta pesaka si mati terletak di Negeri Sembilan, enakmen yang berkenaan ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 (Enakmen tersebut). Peruntukkan yang relevan bagi kes ini ialah s. 412(b)(viii) Enakmen tersebut yang jelas memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan mengenai tindakan yang melibatkan orang Islam berkaitan dengan pembahagian dan pewarisan harta pesaka orang Islam.

[3] Manakala mengenai harta si mati yang terletak di Wilayah Persekutuan, peruntukkan yang berkenaan adalah s. 46(2)(viii) Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993.

[4] Dari itu, mahkamah semasa tidak mempunyai bidangkuasa untuk menimbang dan memutuskan perkara-perkara mengenai tuntutan pembahagian harta pesaka si mati oleh plaintif daripada defendan.

[Tindakan plaintif dibatalkan; kos tindakan dibayar kepada defendan.]

Kes yang dirujuk:

Abdullah Sani Jaafar (suing as administrator of the estate of the late Dato' Jaafar Hussain), deceased and on behalf of himself as beneficiary v. Mohamad Bakar & Anor [1997] 5 MLJ 477 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, s. 46(2)(viii)
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, s. 41(2)(b)(viii)
Federal Constitution, art. 121
Syariah Court Enactment (Sabah) 1992, s. 10(2)(b)(viii) & (ix)

Bagi pihak plaintif - Vinod Nathan; T/n Nathan & Assoc
Bagi pihak defendan - Ramzani Idris; T/n Aris Rizal Christopher Fernando & Co

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor H:

Tuntutan plaintif terhadap defendan dalam tindakan ini ialah:

1. 1/2 atau separuh bahagian daripada hartanah Si mati Kassim bin Hussin yang dikenali sebagai H.S.(D) 86572 Lot No. P.T. 1080 (dahulunya dikenali sebagai Lot 458) Seksyen 180 Wilayah Persekutuan dan H.S.(D) 86573 Lot No. P.T. 1081 (dahulunya dikenali sebagai Lot 781) Seksyen 100 Wilayah Persekutuan.

2. Separuh (1/2) daripada satu perlima (1/5) bahagian terhadap hartanah diatas QT(R) 126 Lot 29 Mukim Seri Menanti Daerah Kuala Pilah.

3. Separuh (1/2) bahagian daripada pembayaran pajakan yang berjumlah RM1,312,142 yang telah pun dijelaskan oleh ESSO (M) Bhd. kepada Defendan iaitu berjumlah RM656,071.

4. Faedah ke atas RM656,071 sebanyak 8% dari tarikh perintah pembahagian harta dikeluarkan kepada Defendan sehingga penyelesaian penuh.

5. Perintah terhadap Defendan untuk Defendan membuat pengisytiharan terhadap kesemua harta Si mati Kassim bin Hussin.

6. Kos untuk tindakan guaman ini dibayar oleh Defendan.

7. Lain-lain relif yang difikirkan wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.

Pembicaraan kes ini telah pun berjalan sehingga ke tahap penghujung keterangan saksi plaintif pertama (SP1) iaitu plaintif sendiri. Dari keterangan yang diberi oleh SP1 perkara-perkara yang dituntut oleh plaintif adalah terhadap sebahagian daripada harta pesaka arwah ayahnya, Kassim bin Hussin. Menyedari bahawa plaintif dan defendan adalah pihak-pihak yang beragama Islam dan harta yang dituntut adalah harta pesaka orang yang beragama Islam maka timbullah satu persoalan undang-undang di dalam fikiran saya iaitu samada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat keputusan seperti yang dituntut oleh plaintif. Oleh yang demikian saya telah menangguhkan pembicaraan ini dan memberi arahan kepada peguam dari kedua pihak untuk mengemukakan hujahan di atas isu samada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat keputusan di atas perkara yang dituntut oleh plaintif. Peguam kedua-dua pihak telah mengemukakan hujahan bertulis mereka.

Setelah memberi pertimbangan yang saksama saya telah memutuskan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk menimbang dan memutuskan perkara-perkara mengenai tuntutan pembahagian harta pesaka si mati Kassim bin Hussin yang dituntut oleh plaintif daripada defendan. Alasan-alasan saya adalah seperti berikut.

Bidangkuasa Mahkamah Tinggi adalah terkandung di bawah art. 121 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

121 **Judicial power of the Federation**

(1) There shall be two High Courts of co-ordinate jurisdiction and status, namely:

(a) one in the States of Malaya, which shall be known as the High Court of Malaya and shall have its principal registry in Kuala Lumpur;

(b) ...

(c) ...

(1A) The Courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah Courts.

a Ini bererti bidangkuasa Mahkamah Tinggi Malaya mempunyai hadnya, iaitu mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa mengenai perkara yang termasuk di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Bidangkuasa Mahkamah Syariah yang ditadbirkan bagi tiap-tiap satu negeri adalah terkandung di dalam enakmen pentadbiran hukum syarak negeri masing-
b masing. Bagi Negeri Sembilan, di mana sebahagian daripada harta pesaka si mati terletak enakmen berkenaan ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991. Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah adalah terkandung di dalam s. 41 Enakmen tersebut. Klausa yang relevan untuk tujuan kes ini ialah kl. 2(b)(viii) dibawah s. 41 yang berbunyi.

c (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(a) ...

(b) dalam bidangkuasa Mal, mendengar dan memutuskan, semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan
d dengan:

(i) ...

(ii) ...

(iii) ...
e

(iv) ...

(v) ...

(vi) ...
f

(vii) ...

(viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat orang Islam.

Jelas dari kandungan s. 41(2)(b)(viii) enakmen tersebut Mahkamah Tinggi
g Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan mengenai tindakan yang melibatkan orang Islam berkaitan dengan pembahagian dan pewarisan harta orang Islam samada berwasiat atau pun tidak berwasiat.

h Dari fakta yang dikemukakan di dalam tindakan ini adalah tidak dipertikaikan bahawa kedua-dua pihak plaintif dan defendan adalah orang Islam.

Tuntutan plaintif ialah mengenai harta pesaka si mati Kassim bin Hussin, iaitu harta orang Islam. Yang dituntut oleh plaintif terhadap defendan ialah
i sebahagian dari harta pesaka si mati. Yang menjadi satu isu di dalam

tuntutan plaintif ialah soal pewarisan yang mana plaintif mengatakan bahawa beliau adalah anak sebenar kepada si mati Kassim bin Hussin. Pada pendapat saya isu ini dengan jelasnya adalah termasuk di dalam kategori bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah di bawah s. 41(2)(b)(viii) enakmen tersebut.

Mengenai harta si mati yang terletak di Wilayah Persekutuan pula akta yang berkaitan ialah Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993. Peruntukan yang berkaitan ialah s. 46(2)(viii) yang berbunyi:

S. 46 Jurisdiction of Syariah High Court

(2) A Syariah High Court shall:

(a) ...

(b) in its civil jurisdiction, hear and determine all actions and proceedings in which all parties are muslims and which relate to:

(i) ...

(ii) ...

(iii) ...

(iv) ...

(v) ...

(vi) ...

(vii) ...

(viii) Division and inheritance of testate and intestate property.

Adalah jelas bahawa isu kandungan s. 46(2)(b)(viii) adalah sama dengan s. 41(2)(b)(viii) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991. Oleh itu keputusan yang sama hendaklah diberi terhadap tanah yang berada di Wilayah Persekutuan ini seperti keputusan saya mengenai tanah di Negeri Sembilan.

Seperti yang telah saya nyatakan di atas isu-isu yang dibangkitkan oleh plaintif di dalam tindakan ini adalah mengenai pembahagian harta pesaka si mati dan juga mengenai kelayakan plaintif sebagai pewaris sah si mati. Kedua-dua isu ini adalah dengan jelas terkandung di dalam para (viii) s. 41(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991.

Untuk menyokong penghujahannya peguam plaintif telah merujuk kepada kes *Abdullah Sani bin Jaafar (suing as administrator of the estate of the late Dato' Jaafar bin Hussain), deceased and on behalf of himself as*

beneficiary v. Mohamad bin Bakar & Anor [1997] 5 MLJ 477 dimana satu isu yang ditimbulkan ialah samada Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tindakan yang dituntut didalam kes itu mengikut peruntukan s. 10(2)(b)(viii) dan (ix) Syariah Court Enactment 1992 (Sabah). Mengenai isu tersebut YA Ian Chin H telah memutuskan seperti berikut:

> The words 'division and inheritance of property, testate or intestate' in s. 10(2)(b)(viii) of the Sabah Enactment connote **matters relating to division, receiving and derivation of property by legal descent or successors and genetically from one's ancestors.** Those words do not encompass a creditor of the estate of the deceased who is not claiming for an inheritance through genetic descent but only for a debt due from the estate of a deceased. Therefore, a claim by a creditor against the estate of a deceased does not come within the ambit of s. 10(2)(b)(viii).
>
> Such claim also does not come within the words of s. 10(2)(b)(ix) – 'determination of persons entitled to part of the estate of a Muslim deceased or part thereof which such persons are entitled to respectively' – because a creditor cannot be regarded as a person entitled to a part of the estate of a deceased Muslim. **Since a creditor is not claiming inheritance genetically from his ancestors as the deceased is not his ancestor.** (emphasis added).

Fakta kes *Abdullah Sani* di atas boleh dibezakan dengan kes sekarang kerana status plaintif didalam kes *Abdullah Sani* itu adalah sebagai pemiutang (creditor). Akan tetapi plaintif didalam kes sekarang menuntut sebahagian dari harta pesaka si mati sebagai pewaris sah si mati. Sebenarnya jika diteliti betul-betul keputusan YA Hakim Ian Chin didalam kes *Abdullah Sani* secara tidak langsung beliau menguatkan lagi pendapat dan keputusan saya di dalam kes sekarang.

Di atas sebab-sebab seperti yang dijelaskan di atas saya telah memutuskan untuk membatalkan tindakan plaintif oleh kerana mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan plaintif. Tuntutan yang dibuat oleh plaintif di dalam tindakan ini adalah dengan jelasnya tersenarai di dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Saya juga perintahkan supaya kos tindakan ini dibayar oleh plaintif kepada defendan.